

Headline **KUALA LUMPUR**
Date **25. Mar 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Nasional**
Circulation **217920**
Readership **2083000**

Language **MALAY**
Page No **12**
Article Size **58** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



KUALA LUMPUR

Perkemahan remaja

Aktiviti perkhemahan adalah satu cara terbaik untuk membentuk remaja yang mempunyai daya kepimpinan, mampu berdikari dan bermotivasi tinggi, kata Naib Pengerusi Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM), Wan Azhar Wan Mohd Ali.

Berucap pada perasmian Perkemahan Sukarelawan dan Belia (Persukbel) Kebangsaan 2008 di Tapak Ekspo Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam, beliau berkata, ia juga dapat membentuk remaja berwawasan dan berdisiplin, mempunyai kekuatan mental, jasmani serta rohani untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan.

"Menerusi aktiviti perkhemahan, ia mampu menjana minda golongan belia untuk terus maju dan kreatif mengharungi kehidupan cemerlang kerana ia mendedahkan peserta terhadap aktiviti berbentuk rekreasi dan gerak kerja berkumpulan," katanya.